



RUMAH REKA BENTUK KONTEMPORARI, MESRA ALAM JADI PILIHAN

Oleh **ZAKKINA WATI**
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

TAHUN 2024 dilihat era baharu dalam industri hartanah negara yang kembali bangkit daripada kelembapan disebabkan penularan Covid-19.

Perkembangan itu menyaksikan permintaan terhadap hartanah meningkat terutama kediaman berstatus strata di kawasan-kawasan bandar terutama di Lembah Klang.

Pembinaan hartanah kategori tersebut turut menuntut reka

bentuk dan seni bina yang lebih kontemporari, pada masa sama masih mengekalkan elemen lestari. Ia sesuai dengan tuntutan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan industri berkenaan.

Reka bentuk kontemporari adalah gaya dan tema yang terkini menggunakan palet warna neutral yang digandingkan dengan tona yang lebih cerah manakala, minimalis pula bermaksud ringkas dan sederhana.

Bagi konsep rumah tradisional ialah rumah yang masih mengekalkan ciri reka bentuk

masyarakat dahulu dibina daripada kayu.

Bagi Pensyarah Jabatan Seni bina, Fakulti Reka bentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Mohd. Zairul Mohd. Noor, seni bina bangunan di Malaysia bakal mengalami transformasi besar seiring trend yang menekankan kemampuan, ketahanan dan integrasi teknologi pada bangunan.

Beliau berpandangan, terdapat perbezaan yang ketara antara perumahan kos tinggi dan perumahan kos sederhana atau mampu milik dari segi konsep reka bentuk.

"RUMAH KOS TINGGI KEBANYAKAN MASIH MENGUTAMAKAN KONSEP MEWAH DENGAN KEMUDAHAN YANG SETARA DENGAN RESORT..."

"Rumah kos tinggi kebanyakan masih mengutamakan konsep mewah dengan kemudahan yang setara dengan resort seperti kolam renang, gimnasium, spa, dan ruang komuniti yang mewah.

"Manakala, perumahan kos sederhana dan mampu milik lebih menekankan penyediaan kemudahan asas. Ia termasuk taman permainan, ruang terbuka hijau, dan kemudahan komuniti berorientasikan keluarga," jelas beliau kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Bersambung di muka 20

Rumah reka bentuk kontemporari, mesra alam jadi pilihan

Dari muka 19

Mohd. Zairul menjelaskan, konsep minimalis yang semakin mendapat tempat dalam kalangan pembeli muda, pula menekankan ruangan yang bersih, sederhana, dan minimal.

Konsep itu katanya, berbeza dengan kediaman berkonsep industri yang mengambil inspirasi daripada elemen-elemen binaan dan bahan mentah seperti konkrit, besi dan kaca.

"Kedua-dua konsep ini mencerminkan kecenderungan (pembeli) masa kini yang mengutamakan estetika bersahaja, namun elegan serta fungsi yang praktikal," jelas beliau.

Jelas Mohd Zairul lagi, cabaran kepada pemaju ketika

ini adalah menyediakan rumah bagi memenuhi kehendak pembeli yang semakin bijak dalam menilai sesebuah kediaman.

"Pembeli akan memilih rumah yang lengkap dengan kemudahan dan kualiti. Oleh itu, pemaju dan arkitek harus kreatif," katanya.

Beliau turut menyarankan agar pemaju dan arkitek menjalin kerjasama dengan pakar-pakar di universiti tempatan bagi mengenal pasti model dan bentuk kediaman yang sesuai dengan kehendak semasa pasaran.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Senibina, Fakulti Ke-



MOHD. ZAIRUL
MOHD. NOOR



ELINA
MOHD. HUSINI

juruteraan dan Alam Bina, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Madya Ar. Dr. Elina Mohd. Husini berpendapat, pembeli yang bijak mementingkan kediaman mampan dan lestari.

Menurut beliau, reka bentuk

kediaman kontemporari boleh memenuhi ciri-ciri tersebut kerana ia turut menggabungkan elemen alam semula jadi dengan penghuni.

"Hubungan antara reka bentuk kontemporari dan kehijauan ialah pilihan reka bentuk masa kini. Ini kerana, ia memberi keseimbangan dan memenuhi keinginan penghuni untuk persekitaran yang sejahtera," katanya.

Elina turut menyentuh seni bina kediaman tradisional yang mementingkan ruang dalaman terbuka, namun

mengekalkan privasi pemilik. Ia dapat dilihat dengan adanya anjung, pintu masuk keluar berbeza untuk ahli keluar dan tetamu serta ruang khusus untuk orang tua.

Bagaimanapun katanya, ciri-ciri binaan tersebut tidak lagi diamalkan masa kini apabila pembinaan hartanah lebih mementingkan konsep kontemporari dan moden sesuai dengan gaya hidup semasa.

"Walaupun reka bentuk kontemporari tidak dikaitkan secara langsung dengan hubungan manusia dan alam semula jadi, namun ia masih boleh disesuaikan dan diintegrasikan bagi mewujudkan elemen kehijauan pada kediaman," jelasnya.

REKA BENTUK IKUT BAJET PEMBELI

SETIAP pembeli mempunyai cita rasa tersendiri dalam pemilihan jenis kediaman yang hendak dibeli.

Selain bajet dan lokasi yang menjadi faktor utama pemilihan, reka bentuk rumah ada ketikanya menjadi asas pemilihan.

Bagi perunding hartanah dari IQI Reality Sdn. Bhd., Amiruddin Abdul Rahman, terdapat pembeli yang memilih reka bentuk moden seperti berbentuk kotak di mana ruang dalaman boleh digunakan sepenuhnya.

Namun kata beliau, seni bina kediaman seperti itu kurang ciri-ciri artistik.

"Tidak kurang juga ada yang memilih reka bentuk biasa, menggunakan atap berbentuk 'A' supaya senang penyelenggaraan berbanding rekabentuk moden menggunakan 'flat roof' yang selalu mengalami masalah 'water proofing'."

"Permintaan reka bentuk kediaman dengan elemen hijau dalam rumah pula masih kurang. Biasanya pemaju yang memasukkan elemen ini untuk menarik pemilik yang cintakan

alam sekitar.

"Antara elemen hijau yang biasa diterapkan adalah penggunaan panel solar (untuk penjimatan elektrik) dan sistem 'rain water harvesting' (tadahan air hujan untuk kegunaan luaran dan dalaman)," katanya kepada Utusan Malaysia, baru-baru ini.

Beliau yang berpengalaman lebih 14 tahun dalam bidang hartanah berkata, kediaman yang berdekatan dengan tempat kerja dan sekolah menjadi pilihan utama pembeli.

Selain itu, projek dengan konsep perbandaran iaitu memiliki pelbagai kemudahan, turut mendapat permintaan tinggi.

Perunding hartanah, Gudrotullah Bijarto atau lebih dikenali sebagai Ikwon pula berpandangan, reka bentuk moden minimalis dan kontemporari menjadi pilihan pembeli.

Menurut beliau, pembeli kediaman bertingkat seperti apartmen dan kondominium pula memilih hartanah yang mempunyai kemudahan serba lengkap seperti kolam renang dan taman rekreasi.

"Untuk kediaman bertanah,

"TIDAK KURANG JUGA ADA YANG MEMILIH REKA BENTUK BIASA, MENGGUNAKAN ATAP BERBENTUK 'A' SUPAYA SENANG MENGGUNAKAN FLAT ROOF."

bangunan dengan reka bentuk moden dan mempunyai kawasan letak kereta yang luas antara faktor penarik pembeli," katanya.

Beliau yang terlibat dalam jual beli hartanah sekitar Lembah Klang terutama Putrajaya dan Damansara berpendapat, kewangan menjadi faktor utama pembelian mana-mana hartanah.

Menurutnya, ramai memilih kediaman strata disebabkan harganya lebih murah berbanding rumah bertanah.

"Faktor lokasi juga memainkan peranan dalam pemilihan rumah. Permintaan tinggi jika lokasi berdekatan bandar, sekolah dan masjid," katanya.

REAKSI

"Saya gemar rumah yang tersusun, konsep elemen hijau dan mempunyai pengudaraan yang baik."

ZAINUR SYUHAILI, 35
Pekerja swasta

"Saya meminati konsep perindustrian kerana kelihatan unik, minimalis dan santai. Rumah jenis ini lebih ringkas dan mudah untuk dipadankan dengan perabot dan aksesori."

RAJA NUR AZAHARI OMAR, 30
Pekerja swasta

"Saya memilih gaya moden organik untuk konsep rumah saya kerana ia gabungan minimalis moden dengan alam semula jadi. Saya turut menitik beratkan elemen harmoni dengan bahan alam semula jadi kerana ia nampak elegan mampu mewujudkan suasana santai."

LIDIA ROSLY, 35
Pekerja swasta

"Saya suka reka bentuk 'farmhouse' kerana jarang didapati di Malaysia. Kediaman ini mempunyai bilik keluarga berasingan daripada ruang bilik hadapan."

DIYANA YAACOB, 34
Pekerja swasta

"Saya pilih kediaman berkonsep moden kampung lebih minimalis, tidak terlalu banyak warna dan menggunakan warna yang lebih neutral."

NURAKMA AHMAD, 29
Pekerja swasta

